

# → PILIHAN RAYA KECIL

**HAD UMUR AHLI 16 TAHUN**

## UMNO susun strategi pengkaderan

**Kuala Lumpur:** Keputusan UMNO membuka keahlian parti kepada individu berumur 16 tahun adalah strategi pengkaderan sebagai perediaan supaya selari dengan syor kerajaan untuk menurunkan had umur mengundi pada Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang.

Penganalisis politik, Dr Ainul Adzelle Hasnul, berkata ini kerana UMNO mahu melatih belia seawal umur 16 tahun untuk memastikan mereka bersedia menjadi ahli parti dan mengundi pada umur 18 tahun.

Beliau berkata, golongan belia cukup signifikan dan hal ini membuatkan UMNO ingin menarik mereka menyertai parti keramat orang Melayu itu.

### Usia matang

"Umur 16 tahun adalah usia belia yang sudah matang, namun mereka perlu didedahkan dengan program yang dapat membentuk jati diri, pemikiran dan sahsiah.

"Pendedahan awal pada umur 16 tahun untuk menarik belia menyertai UMNO dan terbabit sama dengan kegiatan seperti sukan, kemasyarakatan serta sosial dalam usaha mempersiapkan siagakan golongan itu.

"Langkah ini sekali gus dapat memremajakan parti dan menarik seberapa ramai belia Melayu serta Bumiputera menyertai UMNO," katanya ketika dihubungi NSTP, semalam.

Beliau mengulas pengumuman Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi bahawa Majlis Tertinggi (MT) parti bersetuju had umur keahlian parti diturunkan daripada 18 tahun kepada 16 tahun.

Mengulas lanjut langkah UMNO selepas Barisan Nasional (BN) tewas pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) itu, Ainul Adzelle berkata, parti itu memerlukan strategi yang dapat menyaingi Pakatan Harapan (PH).



Saya kira dalam banyak PRK, isu tempatan menjadi antara topik begitu dekat di hati pengundi berbanding isu nasional"

**Syed Agil Syed Alsagoff**  
Penganalisis politik



Kita akui PKR sukar digugat di DUN Sungai Kandis, namun jika cara berkempen disukai rakyat, tidak mustahil BN boleh merampas kerusi berkenaan"

**Ramli Ahmad,**  
Penyokong BN

# BN disaran ubah pendekatan kempen

→ Jentera kena tumpu masalah setempat, bukan isu nasional

Oleh **Mohd Azrone Sarabatin** dan **Mohd Nasaruddin Parzi**  
cnews@nstp.com.my

↳ Shah Alam

**B**arisan Nasional (BN) perlu mengubah pendekatan kempen dengan menumpukan isu dan permasalahan dihadapi penduduk tempatan, bukannya isu nasional.

Penganalisis politik dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Syed Agil Syed Alsagoff, berkata BN dan UMNO perlu mengekalkan tradisi kempen mereka selama ini yang menegenahkan isu setempat terutama pada Pilihan Raya Kecil (PRK).

Beliau berkata, kaedah itu jauh lebih berkesan untuk PRK, terutama bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Kandis.

"Itu lebih baik untuk menarik sentimen pengundi menyokong mereka, tetapi kaedah ini dilihat tidak begitu diutamakan dalam kempen BN kali ini.

"Saya kira dalam banyak PRK, isu tempatan menjadi antara topik begitu dekat di hati pengundi berbanding isu nasional," katanya.

Biarapun mengakui kedudukan DUN Sungai Kandis berdekatan pusat bandar raya Shah Alam, Syed Agil berkata, sebahagian kawasan di DUN Sungai Kandis masih kawasan perkampungan atau desa.

"Sebab itu, isu tempatan seharusnya



nya menjadi keutamaan BN, perlu kenal pasti masalah setempat yang boleh dijuarai berbanding membawa sentimen nasional yang dilihat tidak berupaya menarik sentimen pengundi di sana," katanya.

### Isu nasional terlalu subjektif

Beliau berkata, isu nasional dilihat terlalu subjektif bagi penduduk dan ia hanya membentuk sentimen kebencian, namun belum tentu berupaya mengubah undi seseorang.

Bagi pensyarah kanan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Prof Madya Dr Ismail Sualman, DUN Sungai Kandis masih memerlukan penekanan terhadap isu setempat.

Biarapun DUN berkenaan menggabungkan kawasan bandar dan pinggir bandar, sentimen masyarakat di

**Fakta nombor**

**12,480** UNDI

majoriti diperoleh bekas ADUN PKR pada PRU-14

sana masih mahukan isu seperti pembangunan berlebihan diambil perhatian wakil rakyatnya.

Sejak hari pertama kempen, calon BN, Datuk Lokman Noor Adam mengakui mahu membawa isu nasional seperti kedudukan institusi Islam, Yang di-Pertuan Agong serta orang Melayu sebagai bahan kempenya.

Pendekatan itu jelas berbeza dengan kempen calon PKR, Mohd Zawawi Ahmad Mughni, yang bertumpu kepada penyelesaian beberapa isu tempatan seperti infrastruktur jalan, air dan saluran perparitan, selain pembangunan modal insan dan wanita.

Sementara itu, penyokong BN dari Kampung Pandan, Klang, Ramli Ahmad, 66, berkata BN seharusnya fokus kepada strategi menawan pengundi, bukan memperkecilkan isu tempatan dibangkitkan PKR.

"Kita akui PKR sukar digugat di DUN Sungai Kandis, namun jika cara berkempen disukai rakyat, tidak mustahil BN boleh merampas kerusi berkenaan," katanya.

PRK Sungai Kandis diadakan selepas kematian wakil rakyatnya, Mat Shuhaimi Shafiee, 50, pada 2 Julai lalu akibat kanser limfoma.

Pertembungan tiga penjuror pada PRK kali itu turut membabitkan calon Bebas, K Murthy.

Pada PRU-14, DUN Sungai Kandis menyaksikan pertembungan empat penjuror dengan Mat Shuhaimi mempertahankan kerusinya apabila mengalahkan calon BN, Datuk Kamaruzzaman Johari; calon PAS, Mohd Yusof Abdullah dan calon Parti Rakyat Malaysia (PRM), Hanafiah Husin.

Mat Shuhaimi meraih 23,998 undi dengan majoriti 12,480 undi, mengalahkan Kamaruzzaman (11,518 undi), Mohd Yusof (7,573 undi) dan Hanafiah (76 undi).